

21/12/1997

Lagu khas untuk Mahathir

KUALA LUMPUR: Kira-kira 700 pegawai dan kakitangan kementerian penerangan dan penggiat seni berkumpul di Angkasapuri menyanyikan sebuah lagu istimewa untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyambut hari jadinya ke-72 semalam.

Lagu bertajuk Doktorku yang dicipta khas oleh Pengarah Muzik Radio Televisyen Malaysia (RTM), Datuk Ahmad Dassilah dan liriknya diilhamkan Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat, dinyanyikan sambil Dr Mahathir memotong kek hari jadi yang disediakan.

Dr Mahathir melawat Angkasapuri semalam untuk merakamkan Ucapan Perdana sempena tahun baru 1998 dan merasmikan saluran radio terbaru RTM, iaitu Radio 8.

Sebelum itu, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Zawawi Mahmuddin, mengetuai kakitangan kementerian dan Presiden Persatuan Penyanyi, Penulis dan Pencipta lagu (Papita), A Rahman Hassan yang mengetuai penggiat seni, menyampaikan ikrar taat setia kepada Perdana Menteri.

Walaupun hari jadinya, Dr Mahathir mempunyai jadual yang sibuk semalam. Selepas melawat Angkasapuri, beliau mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno.